

16 SEP 1996

YTL LABUR RM1.5 BLN DALAM PROJEK PENSWASTAAN TENAGA ZIMBABWE

Oleh: K.C. Leong

HARARE, 16 Sept (Bernama) -- YTL Corporation Bhd semalam menandatangani satu surat hasrat dengan kerajaan Zimbabwe untuk projek penswastaan tenaga yang membabitkan pelaburan sebanyak AS\$600 juta (RM1.5 bilion) oleh syarikat prasarana Malaysia itu.

Penandatanganan surat hasrat oleh Pengarah Urusan YTL, Datuk Francis Yeoh dan Encik P.M. Kodzwa, setiausaha tetap Kementerian Pengangkutan dan Tenaga Zimbabwe, telah disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sedang melakukan lawatan lima hari ke sini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Solar Sedunia mulai hari ini.

Penswastaan Stesen Tenaga Hwange di utara negara Afrika selatan ini dilaksanakan oleh Africa Power Ltd di mana YTL mempunyai 51 peratus kepentingan dan Lembaga Bekalan Elektrik Zimbabwe (ZESA) mempunyai baki 49 peratus.

Ia membabitkan pajakan enam unit stesen tenaga pembakaran arang batu yang sedia ada -- 4 X 120 megawatt dan 2 X 220 MW -- oleh ZESA kepada Africa Power yang akan bertanggung jawab membesarkannya dengan dua unit pembakaran arang batu 330 MW setiap satu, dengan itu membesarkan lagi keupayaannya sekarang sebanyak 920 MW kepada sejumlah 1,590 MW.

Yeoh berkata projek itu akan merupakan pelaburan seberang laut terbesar setakat ini oleh kumpulan YTL yang juga membangunkan satu projek membabitkan pemilikan kilang pembakaran arang batu 2 X 125 MW yang sedia ada dan pembinaan unit pembakaran arang batu baru 350 MW di Wilayah Jiangxi Province di China.

Pembiayaan projek itu akan dibuat melalui gabungan ekuiti dan pembiayaan projek, katanya, sambil menambah kata bahawa cara YTL membiayai projek tenaga persendirian (IPP) di Malaysia "akan memberikan isyarat" bagaimana ia akan dilakukan.

Katanya penswastaan Stesen Kuasa Hwange dan pembesarannya akan mengurangkan dengan ketara pergantungan Zimbabwe kepada kuasa elektrik yang diimport dan malahan terdapat juga kemungkinan bahawa Zimbabwe mungkin dapat mengeksport kuasa elektrik ke negara-negara jirannya.

Katanya Africa Power mempunyai rancangan strategik yang pasti untuk menjadi sebuah pengeksport tenaga kelak sungguhpun "isu-isu sensitif" tertentu seperti permintaan bagi talian penghantaran kekal masih belum diselesaikan.

Kini, Zimbabwe mengimport sebahagian daripada keperluan kuasa elektriknya dari Zambia, Zaire dan Afrika Selatan.

Yeoh berkata projek itu menandakan satu sejarah utama di dalam pembangunan perhubungan ekonomi di antara Malaysia dan Zimbabwe dan beliau melihat banyak bidang di mana kerjasama ekonomi di antara kedua-dua negara boleh saling memanfaatkan.

Dr Mahathir berkata pelaburan oleh syarikat-syarikat Malaysia bukanlah semata-mata untuk sebab-sebab altruisme tetapi mencerminkan dasar "makmurkan jiran kamu" Malaysia.

Sebagai sebuah negara perdagangan dengan penduduk yang kecil, Malaysia perlu mengeksport lebih banyak dan kepada bilangan negara yang kian meningkat. Dalam hal Zimbabwe, ini telah menghasilkan perdagangan dua hala yang meningkat dan ia kini mengimport kebanyakan keluaran minyak ditapisnya dari Malaysia, tambah perdana menteri. -- BERNAMA

LKC OS MA